



INSTITUT MAKLUMAT DAN ANALISIS PASARAN BURUH (ILMIA)  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**IMPAK SOSIOEKONOMI**  
DARIPADA PENGGAJIAN  
**PEKERJA ASING**  
**BERKEMAHIRAN RENDAH**  
DAN  
**PROGRAM LATIHAN**  
**INDUSTRI ANTARABANGSA**  
DI MALAYSIA



IMPAK SOSIOEKONOMI DARIPADA PENGGAJIAN PEKERJA ASING BERKEMAHIRAN RENDAH DAN PROGRAM LATIHAN INDUSTRI ANTARABANGSA DI MALAYSIA

---

Diterbitkan oleh:

**Institut Maklumat & Analisis Pasaran Buruh**

**Kementerian Sumber Manusia**

G07-G12, Right Wing, G-Floor, Block 2320

Century Square, Jalan Usahawan

Cyber 6, 63000 Cyberjaya

Selangor

Tel: +03-8318 2433

Faks: +03-8890 2739

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan Dalam Penerbitan

Impak Sosioekonomi Daripada Penggajian Pekerja Asing Berkemahiran Rendah Dan Program Latihan Industri Antarabangsa Di Malaysia

ISBN: 978-967-2292-26-5

1. Impak Sosioekonomi

2. Pekerja Asing Berkemahiran Rendah

3. Pegawai Dagang

4. Latihan Industri Antarabangsa

Hakcipta@2020 Institut Maklumat & Analisis Pasaran Buruh

Cetakan Pertama 2020

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula atau diedarkan dalam apa bentuk atau dengan apa-apa cara, atau disimpan dalam pangkalan data atau sistem penyimpanan, atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, atau sebaliknya, tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada penerbit

Dicetak di Malaysia oleh:

**Percetakan Salam Sdn Bhd**

81 & 81A, Jalan KPK 1/8,

Kawasan Perindustrian Kundang, Kundang Jaya,

48020 Rawang,

Selangor

---

**IMPAK SOSIOEKONOMI DARIPADA PENGGAJIAN PEKERJA ASING BERKEMAHIRAN RENDAH DAN  
PROGRAM LATIHAN INDUSTRI ANTARABANGSA DI MALAYSIA**

**WAN ZULKFLI WAN SETAPA**

Penasihat  
ILMIA

**RATANA SARIMIN**

Ketua Pasukan  
ILMIA

**ZURAINI ABU KASSIM**

Ketua Pasukan  
ILMIA

**AHMAD BADRI JAAFAR@ISMAIL**

Ahli Pasukan  
ILMIA

**HARRIS GANI**

Ahli Pasukan  
ILMIA

**DZULZALANI EDEN**

Pengarang / Ketua Projek  
Universiti Malaysia Sarawak

**KARTINAH AYUPP**

Pengarang / Perunding  
Universiti Malaysia Sarawak

**GOY SIEW CHING**

Pengarang / Perunding  
Universiti Malaysia Sarawak

**AWANG IDERIS AWANG DAUD**

Pengarang / Perunding  
Universiti Malaysia Sarawak

**NOR AFIZA ABU BAKAR**

Pengarang / Perunding  
Universiti Malaysia Sarawak

**ABDUL JABBAR ABDULLAH**

Pengarang / Perunding  
Universiti Teknologi MARA  
Sarawak Cawangan

**MOHD. AZIZUL HAFIZ JAMIAN**

Pengarang / Perunding  
Universiti Malaysia Sarawak

# KANDUNGAN

---

▶ RINGKASAN EKSEKUTIF	vi
▶ AKRONIM	xix
▶ SENARAI JADUAL	xxi
▶ SENARAI RAJAH	xxiv
▶ Bab 1: PENGENALAN	1
1.0 Latar Belakang Projek	2
1.2 Pendekatan Projek	3
1.3 Jadual Pengumpulan Data	4
1.4 Hasil Projek	5
1.5 Skop Projek	5
▶ Bab 2: KAJIAN LITERATUR IMPAK EKONOMI DAN SOSIOEKONOMI PENGGAJIAN PEKERJA ASING	7
2.0 Pengenalan	8
2.1 Tadbir Urus Pekerja Asing di Malaysia	9
2.1.1 Pekerja Asing Berkemahiran Rendah (PLKS)	9
2.1.2 Pegawai Dagang	15
2.2 Trend Penggajian Pekerja Asing Berkemahiran Rendah di Malaysia	18
2.3 Impak Ekonomi	21
2.4 Impak kepada Sosioekonomi	25
▶ Bab 3: PENGGAJIAN PEKERJA ASING: DARI PERSPEKTIF GLOBAL	27
3.0 Pengenalan	28
3.1 Petunjuk Umum	30
3.2 Pekerja Asing Berkemahiran Rendah (PLKS)	34
3.3 Pegawai Dagang	42
▶ Bab 4: METODOLOGI PROJEK	51
4.0 Pengenalan	52
4.1 Populasi	52
4.2 Teknik Persampelan	52
4.2.1 Persampelan Majikan	52
4.2.2 Pensampelan Untuk Pencari Kerja	53
4.2.3 Persampelan Untuk Pelatih Latihan Industri Antarabangsa	54
4.3 Kaedah Pengumpulan Data	54
4.4 Instrumen	55
4.5 Kaedah Analisis Data	63
4.5.1 Analisis Data Menggunakan Sumber Sekunder	63
4.5.2 Analisis Data Menggunakan Sumber Primer	67
4.6 Ringkasan Metodologi	75

---

▶ <b>Bab 5: IMPAK TERHADAP SOSIO-EKONOMI</b>	79
5.0 Pengenalan	80
5.1 Kesihatan	80
5.2 Pendidikan	90
5.2.1 Pekerja Asing Berkemahiran Rendah (PLKS)	91
5.2.2 Pegawai Dagang	92
5.3 Jenayah	93
5.4 Masalah Sosial	100
5.5 Kemudahan Perniagaan	103
▶ <b>Bab 6: IMPAK EKONOMI</b>	105
6.0 Pengenalan	106
6.1 Produktiviti	110
6.2 Impak kepada Pengambilan dan Peggajian Pekerja Tempatan	124
6.3 Pengangguran Belia	129
6.4 Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)	140
▶ <b>Bab 7 : PROGRAM LATIHAN INDUSTRI ANTARABANGSA DI MALAYSIA</b>	145
7.0 Pengenalan	146
7.1 Program Latihan Industri Antarabangsa dari Perspektif Global	147
7.2 Program Latihan Industri Antarabangsa di Malaysia	156
7.3 Profil Syarikat dengan Pelatih Latihan Industri Antarabangsa	173
7.4 Impak Ekonomi dan Sosioekonomi	180
7.5 Cabaran dan Cadangan dari Syarikat yang Mengadakan Program Latihan Industri Antarabangsa	185
7.6 Ringkasan	187
▶ <b>Bab 8 : RUMUSAN</b>	189
8.0 Pengenalan	190
8.1 Penglibatan Awam	190
8.2 Maklumbalas Majikan Semasa Sesi <i>Town Hall</i>	190
8.3 Lain-lain Maklumbalas Peserta Semasa Sesi <i>Town Hall</i>	192
8.4 Ringkasan	197
<b>BIBLIOGRAFI</b>	189

# RINGKASAN EKSEKUTIF


Kajian ini telah dijalankan oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh yang bermula pada 1 Jun 2019 sehingga 14 Februari 2020. Ia bertujuan untuk mengenalpasti impak sosioekonomi daripada penggajian pekerja asing berkemahiran rendah dan program latihan industri antarabangsa di Malaysia.

Laporan ini mengandungi lapan bab. Bab 1 menggariskan latar belakang, skop dan objektif kajian. Objektif utama kajian ini adalah:

- i. mengenal pasti dan mengkaji impak sosioekonomi penggajian pekerja asing berkemahiran rendah dan pelatih latihan industri antarabangsa daripada perspektif kesihatan, pendidikan, jenayah, dan lain-lain;
- ii. mengenal pasti impak ekonomi disebabkan penggajian pekerja asing berkemahiran rendah dan pelatih latihan industri antarabangsa daripada perspektif gaji, pengambilan pekerja, pewujudan pekerjaan, produktiviti, automasi dan lain-lain;
- iii. mengenal pasti landskap program latihan industri antarabangsa di Malaysia; dan
- iv. mengemukakan cadangan dan pelan tindakan kepada kerajaan untuk mengatasi isu, cabaran, batasan dan kelemahan dasar pengambilan pekerja asing yang sedia ada dan program latihan industri antarabangsa.

Bab 2 membincangkan trend dan impak penggajian pekerja asing di Malaysia dan kajian literatur berkaitan ekonomi dan sosioekonomi. Malaysia mempunyai bilangan migran yang keempat terbesar dan berada pada tangga ketujuh berdasarkan nisbah migran berbanding jumlah penduduk di Asia Pasifik Timur (Bank Dunia, 2015, 2017; Ang et al., 2018). Bilangan pekerja asing telah meningkat dengan mendadak disebabkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dengan purata sekitar 6.2% setahun sejak tahun 1970.

Rajah 1: Trend Penggajian Pekerja Asing Berkemahiran Rendah 1993 - 2019



Sumber : Data 1993-2012 (Azizah Kasim, 2017); 2013-2017, 2019: Jabatan Imigresen Malaysia (2020)  
Nota: Data sebelum 2000 termasuk pekerja domestik.

Sektor pembuatan merupakan sektor yang paling banyak menggaji pekerja asing dengan lebih setengah juta setahun di antara 2013 sehingga 2019, diikuti oleh sektor pembinaan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, sektor pertanian menunjukkan trend penurunan pengambilan pekerja asing.

Jadual 1: Jumlah Pekerja Asing Berdasarkan Sektor (2013 – 2019)

Sektor	Tahun						
	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Pembuatan	751,772	747,866	745,131	648,621	645,388	705,016	697,124
Pembinaan	434,200	411,819	450,364	387,934	355,968	435,002	440,964
Perkhidmatan	269,321	270,048	293,433	253,120	247,008	282,494	314,910
Perladangan	431,611	317,410	300,770	268,478	260,429	306,417	265,397
Pertanian	193,482	170,680	196,710	173,641	160,276	159,662	149,789
Perlombongan dan Kuari*							86
<b>Jumlah**</b>	<b>2,250,322</b>	<b>1,917,823</b>	<b>2,135,035</b>	<b>1,731,794</b>	<b>1,669,069</b>	<b>1,888,591</b>	<b>1,868,270</b>


Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia (2020).

Nota: \*Sektor Perlombongan dan Kuari dikategorikan di bawah sektor perkhidmatan sebelum 2019

\*\*Jumlah pekerja asing separuh mahir tidak termasuk pembantu rumah.

Setakat 31 Disember 2019, terdapat 1,868,270 pekerja asing berkemahiran rendah di Malaysia. Majoriti daripada mereka bekerja di sektor pembuatan (37.3%), diikuti pembinaan (23.6%), perladangan (14.2%), perkhidmatan (16.9%), dan pertanian (8.0%).

Rajah 2: Pekerja Asing Berkemahiran Rendah Berdasarkan Sektor, 2019




Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia (2020).

Nota: Jumlah pekerja asing berkemahiran rendah tidak termasuk pembantu rumah.

Warganegara Indonesia dan Bangladesh merupakan penyumbang terbesar iaitu sebanyak 32.1% dan 30.6% daripada keseluruhan 1.8 juta pekerja asing berkemahiran rendah, diikuti oleh Nepal (16%), Myanmar (8.6%), dan India (5.8%). Walau bagaimanapun, trend terkini menyaksikan pengurangan kemasukan pekerja asing berkemahiran rendah dari Indonesia serta peningkatan bilangan pekerja Bangladesh terutamanya pada tahun 2018 dan 2019.

Rajah 3: Pekerja Asing Berkemahiran Rendah Berdasarkan Negara Asal, 2019



Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia (2020).

Nota: Jumlah pekerja asing berkemahiran rendah tidak termasuk pembantu rumah.

Jadual 2: Jumlah Pekerja Asing Berdasarkan Negara Asal (2013 – 2019)

Warganegara	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Indonesia	1,021,655	817,300	835,965	758,487	720,464	623,207	600,234
Nepal	385,466	490,297	502,596	405,336	388,836	346,253	298,787
Bangladesh	322,750	296,930	282,437	252,365	271,100	544,530	571,323
Myanmar	161,447	143,334	145,652	138,492	117,314	111,736	160,084
India	124,017	105,188	139,751	119,984	114,507	119,919	107,839
Pakistan	50,662	51,563	72,931	62,745	58,510	62,598	57,538
Filipina	69,126	63,711	65,096	58,366	55,184	20,862	19,519
Vietnam	52,990	54,652	48,426	32,549	25,088	19,622	15,587
China	11,712	12,288	13,174	13,441	20,442	16,238	12,771
Thailand	17,044	12,467	13,547	12,374	16,177	16,143	16,350
Sri Lanka	6,492	7,137	7,008	6,198	5,319	5,022	6,360
Kemboja	13,839	9,429	8,391	5,995	4,402	2,435	1,852
Laos	113	84	61	37	34	26	20
Lain-lain	13,009	9,034	-	-	-	-	6
<b>Jumlah</b>	<b>2,250,322</b>	<b>2,073,414</b>	<b>2,135,035</b>	<b>1,866,369</b>	<b>1,797,377</b>	<b>1,888,591</b>	<b>1,868,270</b>


Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia (2020).

Nota: Jumlah pekerja asing berkemahiran rendah tidak termasuk pembantu rumah.

Taburan pekerja asing berkemahiran rendah adalah tertumpu di negeri-negeri yang lebih maju dengan Selangor mencatatkan bilangan tertinggi pada tahun 2019 (29%), diikuti oleh Johor (18%), Kuala Lumpur (15%), dan Pulau Pinang (8%). Sementara itu, Sabah dan Sarawak masing-masing mempunyai sekitar 6% dan negeri-negeri lain hanya mempunyai kurang daripada 5% pekerja asing berkemahiran rendah.



Rajah 4: Taburan Pekerja Asing Berkemahiran Rendah Berdasarkan Negeri, 2019



Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia (2020).  
Nota: Jumlah pekerja asing berkemahiran rendah tidak termasuk pembantu rumah.

Selain daripada pekerja asing berkemahiran rendah, pegawai dagang turut merupakan salah satu kategori pekerja asing di Malaysia. Peggajian mereka bertujuan untuk melengkapai dan mengisi jurang tenaga kerja mahir. Setakat Ogos 2019, terdapat seramai 122,192 pegawai dagang yang kebanyakannya terdiri daripada warganegara India dan China. Kebanyakan mereka berkhidmat di sektor perkhidmatan, teknologi maklumat, pembuatan, pembinaan dan selebihnya di sektor pendidikan, kewangan, perubatan, pertanian, pelancongan, perdagangan, pengangkutan, perlombongan, petroleum, dan sukan.

Jadual 3: Jumlah Pegawai Dagang berdasarkan Sektor (2017 – Ogos 2019)

Sektor	2017	2018	2019 (sehingga Ogos)
Perkhidmatan	66,732	58,953	64,684
Teknologi Maklumat	30,309	26,198	38,572
Pembuatan	14,201	6,257	7,160
Pembinaan	16,881	5,725	7,139
Lain-lain	5,391	3,402	4,637
<b>Jumlah</b>	<b>133,514</b>	<b>100,535</b>	<b>122,192</b>

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia (2020).

Penggajian pekerja asing telah menimbulkan pelbagai perspektif dalam kalangan masyarakat berhubung impaknya terhadap ekonomi dan pasaran buruh di Malaysia. Hujah yang menentang kemasukan pekerja asing menekankan bahawa penggajian mereka menjejaskan peluang pekerjaan untuk warga tempatan, menyebabkan penurunan kadar upah serta menggunakan kemudahan awam tanpa perlu membayar cukai. Hal ini menjadi penghalang kepada sasaran Malaysia untuk menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi kerana kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah dilihat sebagai merencatkan pelaburan di dalam teknologi baharu. Tambahan pula, kehadiran warga asing juga dianggap memberi kesan kepada kesihatan awam, yang mana penyakit yang dahulunya terkawal telah muncul semula seperti tuberkulosis, hepatitis B, malaria dan lain-lain (Azizah, 2014).

Berdasarkan kajian lepas, tiada bukti yang jelas tentang kesan pekerja asing kepada ekonomi dan pasaran pekerjaan. Mereka yang menyokong kemasukan pekerja asing melihat kehadiran mereka menyumbang secara positif ke arah daya saing negara. Zimmermann (1995) menegaskan bahawa

migrasi mewujudkan permintaan tambahan bagi barangan dan perkhidmatan yang secara tidak langsung meningkatkan pertumbuhan output. Model ekonometrik menunjukkan bahawa peningkatan 10% pekerja asing berkemahiran rendah dapat meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia (KDNK) Malaysia sebanyak 1.1%. Walaupun secara umumnya difahami bahawa pergantungan kepada pekerja asing boleh menyebabkan kehilangan pekerjaan dalam kalangan warga tempatan, kajian Bank Dunia (2013) menunjukkan bahawa lebih banyak pekerjaan baharu diwujudkan untuk rakyat Malaysia apabila pekerja asing direkrut. Bagi setiap 10 pekerja migran baharu yang digaji, lima pekerjaan baharu diwujudkan untuk rakyat Malaysia di wilayah atau sektor yang terlibat. Kajian Bank Dunia juga mendapati terdapat peningkatan 10% dalam aliran migrasi akan meningkatkan gaji rakyat Malaysia sebanyak 0.14%.

Sebaliknya, pendapat yang bertentangan menegaskan bahawa penggajian pekerja asing membawa kesan negatif terhadap kecekapan pasaran buruh. Kebergantungan jangka panjang kepada pekerja asing berkemahiran rendah boleh menyebabkan kesan buruk terhadap pasaran tenaga kerja tempatan, seperti upah dan peluang penggajian (Friedberg & Hunt, 1995). Pekerja asing berkemahiran rendah dianggap sebagai pengganti kepada pekerja tempatan dengan tahap kemahiran yang sama kerana implikasi kos buruh yang murah. Majikan juga mempunyai kecenderungan untuk menggaji pekerja asing berbanding pekerja tempatan kerana pekerja asing sanggup menerima upah yang lebih rendah dan terma serta syarat pekerjaan yang kurang menarik. Kebanjiran pekerja asing berkemahiran rendah dijangka mengurangkan kadar upah dan ini memburukkan lagi peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan. Selain daripada itu, pergantungan yang tinggi terhadap pekerja asing berkemahiran rendah tidak menggalakkan penggunaan mekanisma yang memacu produktiviti dan pengeluaran (Ang et al., 2018). Di samping itu, kos tenaga kerja asing yang secara relatifnya lebih murah akan mengurangkan insentif bagi firma untuk menggantikan buruh kepada teknologi atau meningkatkan nilai tambah dalam aktiviti dengan penggajian buruh berkemahiran tinggi.

Daripada perspektif sosioekonomi, impak aliran kemasukan kedua-dua pekerja asing berkemahiran tinggi dan rendah di Malaysia telah menimbulkan kebimbangan masyarakat dan kini merupakan salah satu agenda penting dalam landskap politik negara (Azizah Kassim, 2014). Terdapat penerbitan rasmi dan kajian empirikal yang melaporkan isu-isu berkaitan pekerja asing seperti kesihatan, jenayah, pendidikan dan latihan serta penggunaan ruang awam dan peluang ekonomi.

**Kesihatan.** Kemasukan pekerja asing telah mendedahkan rakyat Malaysia terhadap kebimbangan terhadap masalah kesihatan. Penyebaran penyakit berjangkit akibat kemasukan pekerja asing dari Indonesia, Kemboja, Vietnam, Filipina, Myanmar dan negara-negara Asia Selatan (contohnya Nepal, India dan Bangladesh) di mana jangkitan endemik adalah perkara biasa yang berlaku di negara asal mereka dan boleh menimbulkan masalah kesihatan kepada komuniti setempat di Malaysia.

**Jenayah.** Tiada bukti empirikal yang mengesahkan impak penggajian pekerja asing ke atas kadar jenayah di Malaysia. Namun begitu, terdapat petunjuk yang memberi gambaran bahawa peningkatan kadar jenayah di Malaysia dikaitkan dengan pekerja asing yang dikategorikan sebagai berkemahiran dan berpendidikan rendah serta berasal dari negara yang kurang membangun.

**Pendidikan dan Modal Insan.** Kebanyakan syarikat di Malaysia mempunyai peruntukan latihan dan pembangunan kepada pekerja mereka tanpa mengira status kewarganegaraan. Peruntukan tertinggi diberikan kepada pekerja tempatan, diikuti dengan kategori pegawai dagang. Ini menunjukkan bahawa pekerja tempatan tidak diketepikan dari segi peningkatan kemahiran dan pembangunan keseluruhan dalam usaha memastikan kelestarian tenaga kerja yang berkemahiran. Walau bagaimanapun, dari segi pemindahan kemahiran di antara pegawai dagang dan pekerja tempatan masih terdapat kekurangan proses yang sistematik. Sekiranya isu ini tidak ditangani, ini akan membawa kepada kebergantungan jangka panjang terhadap pekerja asing dan kehilangan peluang pemindahan kepakaran kepada pekerja tempatan.

**Ruang Awam di Bandar dan Peluang Perniagaan.** Kehadiran pekerja asing juga boleh menimbulkan isu sosial lain seperti kekangan ruang kediaman dan peluang perniagaan. Dengan peningkatan pekerja asing terutamanya di kawasan bandar menimbulkan kegusaran orang ramai. Pekerja asing menimbulkan ancaman terhadap golongan miskin bandar tempatan dalam persaingan untuk ruang bandar dan peluang ekonomi, untuk peluang menduduki perumahan kos rendah, kemudahan awam dan sosial serta peluang perniagaan kecil (Azizah Kassim, 2014).

Bab 3 membincangkan perspektif penggajian pekerja asing berkemahiran rendah di peringkat global. Standard dan kriteria tertentu digunapakai dalam pemilihan negara yang dianggap sesuai untuk penandaarasan dengan Malaysia. Kriteria ini berdasarkan indeks pembangunan yang bersesuaian, klasifikasi ekonomi, kawasan geografi dan sistem penarafan seperti berikut:

- i. Kehadiran signifikan pekerja asing berkemahiran rendah atau pegawai dagang;
- ii. Klasifikasi ekonomi;
- iii. Kawasan geografi berdasarkan klasifikasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO); dan
- iv. Perbandingan antarabangsa berdasarkan parameter pencapaian pembangunan.

Sebanyak 10 negara telah dipilih untuk tujuan penandaarasan. Negara-negara ini termasuk Australia, Kanada, Jepun, Norway, Qatar, Singapura, Thailand, Emiriah Arab Bersatu (UAE), United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS). Sumber data dan maklumat adalah diperolehi daripada laman sesawang rasmi organisasi dan data empirikal kajian lepas. Antara sumber antarabangsa utama yang digunapakai dalam proses penandarasan adalah seperti berikut:

- i. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labor Organization*) (ILO);
- ii. Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (*Organisation for Economic Co-operation and Development*) (OECD);
- iii. Bank Dunia;
- iv. Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (*United Nations Development Programme* (UNDP)); dan
- v. Statistik rasmi negara-negara berkaitan.

Jadual berikut menyediakan ringkasan maklumat yang digunapakai bagi setiap indikator terpilih untuk Malaysia.


Jadual 4: Indikator Terpilih, Malaysia

Petunjuk	Status/Kedudukan Malaysia	Sumber
<b>Pekerja Asing Berkemahiran Rendah (PLKS)</b>		
Kawasan Geografi	Asia dan Pasifik	Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), 2019
Klasifikasi Ekonomi	Petunjuk Membangun; Pendapatan Menengah Atas	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN), 2019
Populasi	32,580,000	Jabatan Perangkaan Malaysia, Q2 2019
KDNK per kapita (US \$)	11,239.00	Data akaun negara Bank Dunia & Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD)
Indeks Persaingan Global 4.0	Ke-25 daripada 140 negara	Laporan Daya Saing Global 2018, Forum Ekonomi Dunia
Indeks Kebahagiaan	Ke-80 daripada 117 negara	Laporan Kebahagiaan Dunia 2019
Indeks Pembangunan Manusia (HDI)	Ke-61 daripada 189 negara & kawasan	Laporan Pembangunan Manusia, UNDP, 2019
Bilangan Tenaga Buruh	15,710,000 (*Ogos 2019)	Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (%)	68.3 (Jumlah); 80.4 (Lelaki); 55.2 (Wanita)	Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019
Kadar Pengangguran (%)	3.3% (Ogos 2019)	Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019
Kadar Pengangguran dalam Kalangan Belia (%)	10.5 (Jumlah); 9.8 (Lelaki); 11.4 (Wanita)	Survei Tenaga Buruh 2018
Bilangan Pekerja Asing	1,905,130 Pekerja Asing Berkemahiran Rendah (Julai 2019)	Jabatan Imigresen Malaysia, 2019
Kemudahan Penggajian Pekerja Asing	Ke-29 daripada 140 negara	Laporan Daya Saing Global 2018
Negara Sumber Utama	Bangladesh, Indonesia, Myanmar, Nepal dan India	Kementerian Dalam Negeri (Julai 2019)
Upah/Gaji Minimum	RM1,100 (Bulanan), RM5.29 (Jam)	
Kadar Levi	Pembuatan, Pembinaan & Perkhidmatan: RM1,850 Pertanian & Perladangan: RM640	Kementerian Dalam Negeri
<b>PEGAWAI DAGANG</b>		
Destinasi Utama Pegawai Dagang	Ke-9 daripada 64 negara yang tersenarai	<i>Expat Insider</i> 2019
Tiga Sektor Pekerjaan Teratas Berdasarkan Kedudukan	Pendidikan; Perkhidmatan Kewangan; Tenaga	<i>Expat Explorer Broadening Perspectives</i> , HSBC (2017)
Kemudahan Penggajian Pekerja Asing	Ke-29 daripada 140 negara	Laporan Daya Saing Global 2018

Sumber: Pelbagai laporan dari negara-negara terlibat.

Bab 4 menggariskan metodologi yang digunakan di dalam kajian ini yang menggabungkan sumber primer dan sekunder yang merangkumi tiga fasa pengumpulan data. Untuk memastikan analisis yang komprehensif, pendekatan sistematik digunakan untuk mengenalpasti data asas pekerja asing dan pelatih latihan industri antarabangsa, diikuti dengan mengenal pasti taburan penduduk dan kerangka persampelan yang sesuai. Reka bentuk penyelidikan kuantitatif dan kualitatif diguna pakai untuk mengumpul maklumat mengenai penggajian pekerja asing dan penempatan pelatih latihan industri antarabangsa. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan yang berbeza untuk pekerja asing dan pelatih latihan industri antarabangsa kerana kedua-dua kumpulan ini berbeza dari segi sumber data, landskap pekerjaan dan agensi kawal selia yang berkaitan. Kajian ini juga telah menggunakan pelbagai kaedah penyelidikan yang merangkumi tiga fasa pengumpulan data seperti berikut.

Rajah 3: Fasa Kaedah Penyelidikan



Fasa pertama melibatkan pengumpulan maklumat awal dari sorotan literatur berkenaan pekerja asing dan pelatih latihan industri antarabangsa. Maklumat tersebut digunakan sebagai panduan untuk kerja lapangan fasa kedua projek. Kaedah ini terdiri daripada survei, perbincangan kumpulan berfokus (FGD), dan temubual mendalam dengan pihak berkepentingan yang berkaitan seperti majikan, agensi kerajaan, pekerja asing, pelatih latihan industri antarabangsa, dan agensi bukan kerajaan (NGO). Fasa ketiga projek melibatkan kompilasi data, analisis, dan sesi libat urus (*town hall*) untuk merangka syor kajian dan pelan tindakan.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai perspektif dalam kalangan pencari kerja di Malaysia, satu siri survei telah dilaksanakan semasa pameran kerjaya yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Responden yang memenuhi syarat telah dipilih secara rawak seperti berikut:

Jadual 6: Jumlah Responden Bagi Survei Pencari Kerja

Kawasan	Jumlah Responden
Semenanjung Malaysia	260
Sarawak	151
Sabah	71
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>482</b>

Untuk mendapatkan perspektif majikan mengenai penggajian dan isu berkaitan pekerja asing, satu survei atas talian telah dilaksanakan. Senarai majikan untuk tujuan survei berkenaan telah diperolehi daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak dan Jabatan Tenaga Kerja Sabah. Pemilihan syarikat bukan sahaja terhad kepada lima sektor utama yang menggaji pekerja asing, tetapi juga turut merangkumi pengumpulan maklumat pekerja asing berkemahiran rendah yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan pegawai dagang yang diambil bekerja oleh firma yang berkaitan. Jumlah responden adalah seperti berikut:

Jadual 7: Bilangan Responden Majikan Bagi Survei Atas Talian

Kawasan	Jumlah Responden
Semenanjung Malaysia	380
Sarawak	104
Sabah	58
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>542</b>

Bagi survei atas talian untuk latihan industri antarabangsa, syarikat-syarikat yang merekrut pelatih latihan industri antarabangsa di Malaysia telah memberikan perspektif mereka mengenai isu-isu program latihan industri antarabangsa yang terlibat. Kerangka persampelan yang digunakan untuk survei ini diperolehi dari TalentCorp, Jabatan Imigresen Sabah, dan Jabatan Imigresen Sarawak. Jumlah yang terlibat adalah 350 syarikat yang terdiri daripada 342 syarikat di Semenanjung Malaysia, enam di Sabah, dan dua di Sarawak (TalentCorp, Jabatan Imigresen Sabah; Jabatan Imigresen Sarawak, 2019). Jumlah syarikat yang memberikan maklum balas terhadap survei atas talian adalah seperti berikut:

**Jadual 8: Bilangan Syarikat Bagi Survei Atas Talian Untuk Latihan Industri Antarabangsa**


Perincian Bilangan Syarikat	Jumlah Syarikat
Merekrut Pelatih Antarabangsa	350
Mendaftar Di Dalam Sistem	107
Menjawab Survei	72
Digunapakai	67

Selain itu, sesi *town hall* turut diadakan untuk mendapatkan pandangan daripada pihak berkepentingan berkaitan dengan penggajian pekerja asing dan penempatan pelatih latihan industri antarabangsa di Malaysia. Untuk memastikan pendapat yang lebih menyeluruh, beberapa sesi *town hall* telah diadakan di empat lokasi di Semenanjung Malaysia, Kuching, dan Kota Kinabalu.

Dalam kajian ini juga, kesan pekerja asing kepada pasaran buruh dianalisis dan dikenalpasti. Kaedah *skill-cell* telah digunakan untuk menganalisis bagaimana pasaran buruh pekerja tempatan terjejas oleh kemasukan pekerja asing dari masa ke semasa. Selain itu, impak pekerja asing ke atas produktiviti pekerja juga dinilai menggunakan fungsi pengeluaran *Cobb-Douglas*. Di samping itu, impak pengangguran belia (kategori usia 15-19 dan 20-24 tahun) berpunca daripada kemasukan pekerja asing berkemahiran rendah juga dikaji. Selanjutnya, impak pekerja asing terhadap kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk tempoh 1993 sehingga 2008 dikaji menggunakan kaedah *Cobb-Douglas*.

Bab 5 memfokuskan kepada kesan sosioekonomi penggajian pekerja asing di negara ini. Analisis merangkumi aspek kesihatan, pendidikan, jenayah, isu sosial dan ruang perniagaan. Kesemua pekerja asing perlu menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum mereka dibenarkan bekerja di Malaysia. Bagaimanapun, proses dan tadbir urus adalah berbeza mengikut lokasi geografi dan jenis pas pekerjaan yang dipohon. Pekerja asing berkemahiran rendah perlu menjalani proses pemeriksaan lebih ketat berbanding dengan pegawai dagang. Bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah, badan berpusat, iaitu FOMEMA Sdn Bhd, dan Growarisan Sdn Bhd, ditugaskan untuk melaksanakan pemeriksaan kesihatan mandatori bagi kawasan masing-masing. Manakala di Sarawak, pemeriksaan kesihatan dijalankan oleh klinik yang dilantik oleh majikan pekerja asing. Untuk menangani isu berkaitan kos perubatan yang perlu ditanggung oleh majikan, Skim Perlindungan Insuran Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA) diperkenalkan pada tahun 2011. Meskipun langkah yang ketat telah diambil, masih terdapat beberapa kes penyakit berjangkit yang dikesan dalam kalangan pekerja asing yang telah diberikan pas pekerjaan. Selain itu, tunggakan bil perubatan yang tinggi juga merupakan isu yang membimbangkan dan memberi implikasi negatif terhadap kehadiran pekerja asing di negara ini.

Rajah 5: Jurang Tunggakan Bil Perubatan Antara Warga Malaysia Dan Warga Asing



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM, 2019).

Impak penggajian pekerja asing dari segi Pendidikan dapat dilihat dalam dua perspektif. Pertama, ketiadaan proses pemindahan ilmu yang sistematik di peringkat firma daripada pegawai dagang kepada pekerja tempatan. Ini membawa kerugian kepada Malaysia kerana pekerja tempatan tidak diberi peluang untuk mempelajari kemahiran baharu dan pengetahuan daripada pegawai dagang. Kedua, kehadiran Pusat Pembelajaran Komuniti (*Community Learning Center, CLC*) yang membabitkan pekerja asing berkemahiran rendah terutamanya di Sabah dan Sarawak. Walaupun terdapat peraturan yang tidak membenarkan pekerja asing berkemahiran rendah membawa orang tanggungan, bilangan jumlah CLC di kedua-dua negeri ini terus berkembang menunjukkan bahawa isu ini tidak dikendalikan secara berkesan di Sabah dan Sarawak.

Dari segi jenayah pula, pekerja asing yang sah tidak menyumbang secara signifikan kepada isu tersebut. Walau bagaimanapun, persepsi negatif terhadap kehadiran pekerja asing adalah banyak berpunca daripada liputan media terhadap jenayah yang dilakukan oleh warga asing secara keseluruhan. Pekerja asing juga didapati tidak menjadi penyumbang kepada masalah sosial di Malaysia kerana jadual kerja yang padat dan mereka terikat kepada peraturan penginapan tempat kediaman yang diuruskan oleh syarikat mereka masing-masing. Sementara itu, dari segi kemudahan perniagaan, walaupun bilangannya kecil, terdapat beberapa kes di mana pekerja asing didapati menyalahgunakan permit kerja mereka dengan menjalankan kegiatan yang menyalahi undang-undang seperti menjalankan perniagaan. Perkara ini lazim terjadi di kawasan bandar yang menawarkan peluang perniagaan meluas.

Bab 6 membincangkan dapatan kajian mengenai kesan ekonomi daripada penggajian pekerja asing terhadap pasaran buruh. Secara khususnya, penumpuan kepada produktiviti buruh, dan pasaran buruh secara menyeluruh serta pengaliran wang ke negara asal. Kesan ini dikaji menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif.

**Produktiviti Buruh.** Berdasarkan data dari Kajian Penyata Guna Tenaga Kebangsaan (*National Employment Returns, NER*), terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara intensiti pekerja asing dan produktiviti buruh di peringkat firma. Kesan negatif terhadap produktiviti adalah amat membimbangkan kerana sebahagian besar pekerja asing yang bekerja di Malaysia adalah mereka yang berkemahiran dan berpendidikan rendah. Berdasarkan analisis komposisi pekerja berdasarkan kemahiran, didapati faktor kualiti buruh mempengaruhi hasil produktiviti. Umum diketahui produktiviti firma adalah bergantung kepada tahap kemahiran pekerja. Sekiranya kebanyakan pekerja asing berkemahiran rendah tidak dikawal dengan berkesan, ini akan menyebabkan firma kurang berminat untuk menggantikan tenaga buruh berkemahiran rendah dengan modal fizikal seperti mekanisasi dan automasi.

Hasil perbincangan kumpulan berfokus mengenai produktiviti pekerja berkemahiran rendah dalam kalangan warga tempatan berbanding warga asing menunjukkan dapatan yang sebaliknya. Mereka berpendapat bahawa pekerja asing berkemahiran rendah adalah lebih produktif. Ini adalah kerana pemahaman mengenai konsep produktiviti ini dalam kalangan informan adalah terhad kepada

kebolehan pekerja menghasilkan bilangan unit atau tugas-tugas yang disiapkan oleh pekerja dalam masa yang ditetapkan. Selain itu, konsep produktiviti juga dikaitkan dengan sikap pekerja seperti kesanggupan untuk bekerja bagi tempoh yang lama atau bekerja lebih masa atau pada hari-hari dan cuti umum. Ciri-ciri ini didapati lebih cenderung dimiliki oleh pekerja asing berbanding dengan pekerja tempatan.

**Pasaran Buruh.** Memandangkan kadar pengangguran dalam kalangan belia yang tinggi di Malaysia, terdapat persepsi umum bahawa kehadiran pekerja asing memberikan kesan buruk kepada pekerja tempatan. Berdasarkan data Survei Tenaga Buruh yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan, pekerjaan dan upah pekerja tempatan yang setara dianalisis menggunakan pendekatan *skill-cell* yang dibangunkan oleh Borjas (2003). Analisis menunjukkan bahawa pekerja asing tidak mempengaruhi upah pekerja tempatan. Walau bagaimanapun, kemasukan pekerja asing memberi kesan negatif kepada peluang pekerjaan warga tempatan yang setara. Adalah dianggarkan bagi setiap kenaikan 10% penggajian pekerja asing akan mengurangkan kadar guna tenaga penduduk setempat sebanyak 0.41% dalam tenaga buruh tenaga kerja tempatan. Ini berdasarkan perbandingan dari segi pengalaman-pendidikan (*education-experience cell*) yang sama. Oleh itu, kesan penyingkiran pekerja tempatan hanya didapati signifikan di kalangan penduduk tempatan yang mempunyai pendidikan rendah dan ke bawah.

**Jadual 9: Impak Penggajian Pekerja Asing terhadap Peluang Pasaran Buruh Warga Tempatan berdasarkan Faktor Pendidikan-Pengalaman**

